



The Observer

MSWG ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua umat Islam. Semoga kedamaian dan kebahagiaan sentiasa mengiringi hidup kita.

The Observer akan berehat minggu depan dan menyambung semula penerbitan pada 19 April 2024.

Deloitte sedang menjalankan Tinjauan Pengawasan Tingkah Laku 2024 bagi mendapatkan gambaran tentang sikap dan keupayaan organisasi terhadap tukang adu (whistleblowing). Peserta, terutamanya pengurusan kanan, ketua-ketua pegawai (c-suite) atau eksekutif peringkat lembaga yang menyelia hal-hal berkaitan tukang adu daripada pelbagai latar belakang seperti undang-undang, audit dalam, risiko, pematuhan dan integriti, digalakkan untuk mengambil bahagian.



Sila klik [pautan](#) atau imbas kod QR di sebelah kanan untuk mengakses tinjauan ini.

05.04.2024

❖ Pengumpulan dana ekuiti: Semak penggunaan hasilnya

Akses kepada modal kewangan melalui pengumpulan dana ekuiti memberikan kelebihan yang ketara kepada syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) berbanding entiti milik persendirian. Kaedah ini membolehkan syarikat memanfaatkan potensi pasaran modal yang luas untuk mendapatkan pembiayaan bagi operasi dan usaha pengembangan syarikat.

PLC biasanya menerbitkan saham baharu melalui penempatan atau terbitan hak bagi memenuhi keperluan pembiayaan khusus seperti pemerolehan, modal kerja atau pembayaran balik hutang. Selain itu, syarikat mungkin menggunakan pelbagai skim penerbitan saham (*share issue scheme*, SIS) atau skim opsyen saham pekerja (*employee share option scheme*, ESOS) untuk memberikan ganjaran dan mengekalkan pekerja mereka.

Apabila sesebuah entiti tersenarai menerbitkan saham baharu melalui penempatan persendirian, SIS atau ESOS (tidak termasuk terbitan hak), pemegang saham sedia ada mungkin mengalami kerugian jangka pendek akibat pencairan pegangan saham mereka yang sedia ada. Melihat dari sudut matematik, saiz pai tidak berubah tetapi kepingan pai telah mengecil untuk mencerminkan jumlah saham yang meningkat. Pertambahan bilangan saham juga menyebabkan penurunan yang sepadan dalam harga saham.

Namun begitu, pemegang saham mungkin memperoleh keuntungan jangka panjang jika syarikat tersebut menggunakan hasil daripada terbitan saham itu dengan berkesan bagi meningkatkan pendapatan dan keuntungannya. Katakan motivasi di sebalik penerbitan saham itu adalah untuk merebut peluang yang luar biasa bagi pertumbuhan pesat yang memerlukan pembiayaan tambahan. Dalam hal ini, pemegang saham mungkin mendapat manfaat daripada kenaikan harga saham selepas itu apabila syarikat mengembangkan operasi, yang seterusnya dijangka dapat meningkatkan keuntungannya dalam jangka sederhana.

Beberapa soalan yang perlu ditanya

Meskipun pengumpulan dana ekuiti adalah perkara biasa bagi PLC, namun pemegang saham minoriti perlu meneliti cara perolehan itu digunakan. Sehubungan itu, pemegang saham minoriti perlu mengemukakan soalan yang berkaitan apabila syarikat penerima pelaburan mereka bercadang untuk menerbitkan saham baharu:

- Adakah syarikat melaksanakan penerbitan saham baru-baru ini dan bilakah ia dijalankan? Bagaimanakah syarikat menggunakan hasil daripada penerbitan saham itu dan apakah perniagaan atau aktiviti yang dilaburkan? Adakah terdapat baki dana yang belum digunakan?
- Bagaimanakah kedudukan mudah tunai syarikat sewaktu mencadangkan penerbitan saham? Adakah kedudukan syarikat kukuh dari segi kewangan? Jika ya, apakah rasional untuk mengumpulkan dana dengan menerbitkan saham baharu?
- Siapakah pihak yang menjadi tempat penempatan persendirian dan apakah saiz penempatan itu? Adakah saham penempatan diterbitkan pada premium atau diskaun kepada harga pasaran?
- Berapakah jumlah saham ESOS/SIS yang diberikan dan dilaksanakan? Siapakah penerima saham-saham ini dan apakah syarat dan tempoh peletakan hak bagi saham tersebut? Bagaimanakah syarikat menggunakan hasil daripadanya?
- Adakah syarikat menunjukkan prestasi kewangan yang lebih baik selepas pelaksanaan pengumpulan dana itu dan berapa lamakah prestasi ini dijangka berterusan?

Agak meragukan apabila melihat sesetengah PLC menerbitkan saham dalam pelbagai bentuk dan saiz untuk mengumpulkan dana walaupun mereka mempunyai kunci kira-kira yang kukuh.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sebuah syarikat tersenarai telah melaksanakan beberapa pusingan terbitan saham, termasuk penempatan persendirian, terbitan hak, SIS, ESOS dan menukarkan Saham Keutamaan Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus (*Irredeemable Convertible Preference Shares, ICPS*), untuk membiayai pengembangan perniagaannya.

Syarikat yang sebahagian besarnya terlibat dalam aktiviti inkubasi teknologi dan pegangan pelaburan ini memperoleh kira-kira RM250 juta dengan menerbitkan 5.1

bilion saham baharu antara 2020 dan 2022. Akibatnya, jumlah saham terbitan syarikat melonjak daripada kira-kira 810 juta kepada 5.9 bilion dalam tempoh kira-kira dua puluh bulan.

Kira-kira 60% daripada jumlah dana yang diperoleh melalui penempatan dan terbitan hak telah digunakan untuk memacu perniagaan pembuatan sarung tangan Syarikat, suatu usaha yang dimulakan semasa kemuncak pandemik COVID-19. Wang itu digunakan untuk membina kilang sarung tangan baharu, memasang barisan celup untuk sarung tangan serta menyediakan modal kerja untuk perniagaan sarung tangan.

Jelas terlihat, apabila syarikat mengumumkan penempatan untuk menerbitkan sehingga 20% daripada modal saham terbitan bagi membiayai perniagaan sarung tangan, syarikat berada dalam kedudukan tunai bersih dengan sekuriti pelaburan bernilai ratusan juta RM.

Mereka meletakkan jangkaan yang tinggi terhadap perniagaan sarung tangan, dengan laporan menunjukkan bahawa kilang itu mampu menjana pendapatan tahunan berjumlah RM700 juta untuk Kumpulan pada tahap pengeluaran maksimum.

Tiga tahun kemudian, prestasi perniagaan sarung tangan ini tersasar jauh daripada jangkaan. Dalam tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2024, perniagaan sarung tangan syarikat merekodkan jualan yang lebih rendah sebanyak RM292,000 berbanding RM668,000 dalam tempoh yang sama sebelum ini, disertai dengan peningkatan kerugian sebelum cukai sebanyak RM2.8 juta (separuh pertama tahun kewangan 2022: -RM1.89 juta). Segmen itu menyumbang 8% daripada pendapatan untuk tempoh enam bulan. Pada suku tahun terakhir, RM18.8 juta yang diperoleh sebelum ini masih digunakan untuk perniagaan sarung tangan.

Pada masa yang sama, Syarikat telah mengalami kerugian sejak tiga tahun yang lalu, dengan kerugian bersih antara RM31.8 juta dan RM313.68 juta. Memandangkan syarikat masih mengalami kerugian, ia melaporkan pulangan negatif yang berterusan ke atas ekuiti (*return on equity*, ROE) yang mengukur sejauh mana syarikat menggunakan wang mereka dengan cekap untuk menjana keuntungan.

Selepas mempertimbangkan fakta-fakta ini, maka timbul persoalan: Adakah dana itu digunakan secara berkesan? Keputusan terletak di tangan anda.

Oleh: Pasukan Pemantauan MSWG

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif (ismet@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.